



JABATAN PERANGKAAAN
M A L A Y S I A

SEKRETARIAT DAN JAWATANKUASA KHAS DOSM MENANGANI COVID-19:

STATISTIK & INFO-MEDIA (BDA)

BIL 3/2020

RUJUKAN : 25 MAC 2020



BANCIO
PENDUDUK & PERUMAHAN
MALAYSIA 2020
DATA ANDA MASA DEPAN KITA
7 JULAI 2020



www.dosm.gov.my



www.mycensus.gov.my



RINGKASAN LIPUTAN BERITA MUTAKHIR WABAK COVID-19 DAN KESAN KEPADA EKONOMI

1. PENDAHULUAN

Statistik jangkitan kes baharu penyakit CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) di Malaysia meningkat lebih tinggi berbanding yang dicatatkan pada 24 Mac 2020 (106 kes positif). Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) memaklumkan pada 25 Mac 2020, sejumlah **172 kes baharu** telah disahkan positif menjadikan jumlah kumulatif jangkitan dalam negara meningkat kepada **1,796 kes dengan 4 kes kematian (jumlah terkini 20 kematian) manakala peratusan kes yang sembuh adalah 11.1 peratus atau 199 kes**. Secara umumnya, Sabah, WP Labuan dan Terengganu merupakan negeri yang tidak mencatatkan pertambahan kes baru pada 25 Mac 2020. Pertambahan bilangan kes COVID-19 di Malaysia antaranya adalah menerusi peningkatan di Selangor sebanyak 54 kes positif, Johor (34), Perak (30 kes), Negeri Sembilan (14 kes) dan WP Kuala Lumpur (13 kes) dengan sumbangan **sebanyak 84.3 peratus** kepada jumlah keseluruhan kes positif. Selangor kekal mendominasi keseluruhan kes tertinggi iaitu 435 kes positif diikuti WP Kuala Lumpur (270 kes) manakala **Johor mengatasi Sabah** (170 kes) dengan 196 kes seperti pada Jadual 1.

Itali terus mencatatkan peningkatan 5,249 kes dengan jumlah keseluruhan sehingga kini sebanyak 69,176 kes dan kadar kematian 9.9 peratus atau 6,820 kes. Di seluruh dunia, kes kematian di **Itali adalah yang tertinggi** jauh melebihi China (3,287 kes) dan **menyumbang 36.4 peratus** daripada **18,727 kematian**. Secara keseluruhannya, kes positif COVID-19 telah mencatatkan sejumlah 418,935 kes dengan 4.47 peratus kematian seperti Jadual 2 (*rujukan jadual selepas laporan liputan*).

Penularan COVID-19 ini ternyata telah memberikan kesan signifikan kepada landskap ekonomi dunia dan tidak terkecuali di Malaysia. Pada 21 Februari 2020, kajian awal MIER terhadap impak COVID-19 ke atas ekonomi merumuskan wabak ini akan mengurangkan antara **0.8% hingga 2.0% pertumbuhan KDNK**. Walau bagaimanapun, dengan penularan wabak ini sehingga menyebabkan langkah Arahan Kawalan Pergerakan (MCO) di ambil, di jangka akan memberi implikasi lebih besar kepada ekonomi terutama pengeluaran, penggunaan, perdagangan serta pendapatan dan pekerjaan. MIER menjalankan kajian epidemiologi dan analisa komprehensif susulan menggunakan **Computational General Equilibrium (CGE)** model Malaysia bagi melihat kesan lebih terperinci. Keputusan kajian adalah seperti berikut:

1. Kajian epidemiologi mendapati Malaysia dalam fasa kenaikan. Sehubungan itu, PKP dijangka akan dilanjutkan tambahan 2 minggu lagi iaitu sehingga selepas titik kemuncak penularan. (*pengumuman perlanjutan pergerakan kawalan telah diumumkan oleh kerajaan pada 25 Mac 2020*)

2. KDNK akan **menguncup** sebanyak **6.9% daripada jangkaan belanjawan** menjadikan **KDNK** negara turun sebanyak **-2.9% pada 2020**.
3. Seramai 2.4 juta akan kehilangan kerja di mana **67%** daripadanya adalah **pekerja tidak mahir**.
4. Pendapatan Isirumah diunjur akan **turun sebanyak 12%** dari jangkaan belanjawan dengan **nilai sebanyak RM95 bilion**.
5. Kejatuhan Perbelanjaan Penggunaan sebanyak 11% dan **penurunan CPI sebanyak 4.4%**.

Kebanyakan negara utama dunia turut berada dalam kemelut krisis kelembapan ekonomi. Berikut merupakan beberapa dapatan *headlines* yang dipetik dari Public Invest Reseach Daily;

AS: Jualan Kediaman Baharu di AS **jatuh 4.4% pada Februari 2020** berbanding peningkatan mendadak pada bulan sebelumnya. Dari segi bilangan, sebanyak 765 ribu jualan kediaman baharu dicatatkan pada Februari berbanding 800 ribu pada Jan 2020 yang merupakan **jualan tertinggi semenjak Mei 2007**. Jualan dijangka terus susut pada masa hadapan akibat peningkatan pengangguran dan aktiviti ekonomi yang tergendala kesan dari penularan COVID-19. (Reuters)

EU: Dapatan survei IHS Markit menunjukkan sektor swasta Eropah (Eurozone) mencatatkan **kejatuhan yang mendadak pada Mac 2020** yang terkesan akibat peningkatan penularan COVID-19. **Indeks Komposit Output jatuh kepada 31.4** pada Mac berbanding 51.6 yang dicatatkan pada Februari 2020. PMI sektor perkhidmatan mengalami **kejatuhan terbesar kepada 28.4** berbanding 52.6 pada bulan sebelumnya. Sektor perkhidmatan yang terjejas teruk adalah Pelancongan, Pengangkutan dan Restoran. (RTT)

UK: Sektor swasta UK mencatatkan **kejatuhan** pada Mac 2020. Indeks Komposit Output IHS Markit susut kepada 37.1 berbanding 53.0 pada Februari 2020 yang merupakan **kejatuhan terbesar sepanjang siri ini dikeluarkan pada 1998**. Mengikut sektor, PMI Perkhidmatan jatuh kepada 35.7 berbanding 53.2 pada bulan sebelumnya manakala PMI Pembuatan jatuh kepada 48.0 pada Mac 2020 berbanding 51.7 pada bulan sebelumnya. (RTT)

UK: Sektor Pembuatan UK merekodkan **kejatuhan** bagi **pesanan keseluruhan dan pesanan eksport pada Mac 2020**. Selain itu, dijangkakan pengeluaran pembuatan UK mengalami **kejatuhan yang terbesar semenjak Krisis Kewangan 2009**. Baki Buku Pesanan (Book Orders) jatuh 29% berbanding -18% pada bulan sebelumnya. Sektor ini menghadapi cabaran besar akibat penularan wabak COVID-19 yang mengganggu rantai bekalan dan melemahkan permintaan domestik.

Nota : Purchasing Managers' Index (PMI, Melayu: Indeks Pengurus Perolehan) adalah suatu indikator yang mengukur kemantapan ekonomi mengikut sektor. Matlamat indeks ini adalah untuk memberikan maklumat tentang iklim perniagaan semasa kepada penganalisis syarikat, pengurus perolehan, pembuat keputusan. Ia berasaskan kepada 5 indikator utama seperti tahap inventori, pengeluaran, penghantaran pembekal, pesanan baru dan keadaan sumber manusia.

PASARAN SAHAM

FBM KLCI dibuka lebih tinggi hari ini sejajar dengan peningkatan mendadak saham di **US. Dow Jones Industrial Average (DJI) melonjak tinggi** semalam (Selasa) dan merupakan pertumbuhan tertinggi semenjak 1933. Peningkatan ini didorong oleh peningkatan keyakinan bahawa Kongres akan meluluskan pelan pakej rangsangan yang bernilai hampir **USD 2 trillion**. DJI menokok 2,112.98 mata 11.37%, kepada 20,704.91, S&P 500 index naik 209.93 mata (9.38%) kepada 2,447.33, dan Nasdaq Composite index naik 557.18 mata (8.12%) untuk tutup pada 7,417.86. **Saham di Eropah** turut dalam **keadaan meningkat** apabila Stoxx Europe 600 tutup 8.4% lebih tinggi.

Di Asia, **Nikkei 225** (Jepun) **naik 7.13%** manakala **Hang Seng Index** (Hong Kong) dan **CSI 300** (China) masing-masing **meningkat 4.46% dan 2.7%**.

2. PENEMUAN UTAMA PETIKAN AKHBAR

- 1) Bank Negara Malaysia (BNM) telah melaksanakan langkah tambahan bagi membantu **peminjam dan juga pelanggan yang terkesan dengan Bencana Covid-19**. Bagi membolehkan aliran tunai syarikat khususnya syarikat di bawah perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dalam keadaan “sustain”, institusi perbankan akan memberikan secara *automatic moratorium* pada semua pinjaman dan pembiayaan dan membenarkan pelanggan perbankan, termasuk individu dan PKS menangguhkan pembayaran balik pinjaman sedia ada mereka, termasuk gadai janji dan sewa beli, untuk tempoh enam bulan **berkuatkuasa pada 1 April 2020**.
- 2) Syarikat penerbangan Malaysia berada **di ambang muflis** kerana mengalami kerugian akibat **pembatalan penerbangan dan sekatan perjalanan** dari krisis Covid-19. Hasil dan keuntungan syarikat logistik menggunakan udara turut terjejas akibat krisis ini
- 3) **Industri halal masih kekal bertahan** walaupun berdepan dengan krisis ketidakpastian harga minyak mentah semasa dan penularan wabak Covid-19. Terdahulu, pasaran eksport industri halal tempatan diunjur **berkembang kepada RM50 bilion menjelang tahun 2020**.
- 4) Amerika Syarikat melalui US Customs and Border Protection (CBP) telah **menarik balik larangan terhadap pembuat sarung tangan perubatan Malaysia (WRP Asia Pasific Sdn Bhd)** untuk membenarkan produk dari syarikat tersebut memasuki semua pelabuhan di US bermula 16 Mac 2020.

- 5) Kementerian Kewangan (MOF) telah **mengecualikan duti import dan cukai jualan untuk pembelian peralatan perubatan, makmal, peralatan pelindung peribadi (PPE) dan bahan guna habis** bagi mana-mana pihak untuk disumbangkan kepada Kementerian Kesihatan (KKM) yang bertujuan membantu menangani pandemik coronavirus (Covid-19).
- 6) MIER menjangkakan **KDNK sebenar kepada ekonomi** berasaskan *Computational General Equilibrium* (CGE) untuk **Malaysia -2.9% (4 minggu PKP) dan -3.0% kepada -4.0% (6 minggu PKP)**.
- 7) Permintaan terhadap kos asas pengeluar peralatan asli (OEM) **dijangka menurun** disebabkan ringgit yang lemah berbanding dollar AS tahun ini **pada purata RM4.22, disemak semula** daripada **RM4.18** sebelumnya.
- 8) Kerajaan **disarankan untuk melanjutkan tempoh perkhidmatan seramai 3,500 pegawai farmasi lantikan secara kontrak** yang sedang bertugas di bawah KKM yang **dijangka akan berakhir bermula April hingga Disember ini**
- 9) Kejatuhan harga minyak dunia dan pengapungan harga bahan api untuk kenderaan persendirian yang lebih rendah sepanjang Mac 2020 **dijangka akan membendung inflasi daripada terus meningkat**.
- 10) *International Air Transport Association (IATA)* melaporkan terdapat **450,000 pekerja** terlibat dalam **industri pengangkutan udara** di Malaysia. Syarikat penerbangan Malaysia berada di ambang muflis **sekiranya tiada sebarang bantuan kewangan daripada kerajaan**.
- 11) Presiden Persatuan Kontraktor Bumiputera Malaysia menyatakan **lebih 50,000 kontraktor Bumiputera diramal terjejas akibat PKP** di mana perlu menanggung kos buruh yang tinggi sementara pekerja dihadkan tugas atau diberi cuti.
- 12) Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER) **mencadangkan supaya kerajaan memperuntukkan RM95 bilion sebagai belanjawan krisis luar biasa** untuk mengurangkan impak ekonomi daripada COVID-19, tambahan RM75 bilion selain pakej rangsangan bernilai RM20 bilion yang diumumkan sebelum ini.

A. Bahagian Perangkaan Akaun Negara (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1	The Star	<p>Penang unveils RM75mil Covid-19 economic stimulus package</p> <p>Penang has unveiled a RM75mil Covid-19 economic stimulus package which will benefit 410,000 recipients. In this package includes hawkers, small businesses, taxi drivers, trishaw riders, e-hailing drivers, the physically challenged and the B40.</p>	https://www.thestar.com.my/news/nation/2020/03/25/penang-unveils-rm75mil-covid-19-economic-stimulus-package
2	Harakah Daily	<p>Belajar, bekerja dari rumah guna fasiliti ICT</p> <p>Kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) menjadi alternatif untuk meneruskan rutin harian kita.</p>	https://harakahdaily.net/index.php/2020/03/18/belajar-bekerja-dari-rumah-guna-fasiliti-ict/
3	NST online	<p>Expert: 'Malaysia may face recession</p> <p>Economists believe Malaysia will suffer an economic recession if the Covid-19 outbreak continues to worsen and the Movement Control Order (MCO) is extended. Institute for Capital Market Research Malaysia (ICMR) board of directors chairman Tan Sri Dr Mohd Munir Abdul Majid said the ongoing “twin crises” of health and economy necessitated the government to formulate bold and creative solutions. The pandemic has hit the global economy, which is in a state of seizure, careening</p>	https://www.nst.com.my/news/nation/2020/03/577587/expert-malaysia-may-face-recession

		<p>towards a great big recession. The government must be bold and imaginative. Health must come first but as you make every effort to address it like the MCO, there is an adverse impact on the economy (which is) not doing well even before Covid-19. It (government solution) must support the people and companies that employ them. If the companies collapse, the people will be out of work. Being an open economy, Malaysia could also be exposed to such risks. Government did not need to be “obsessed” and driven into the fear of widening fiscal deficit. The government’s concentration and spending on (combating) Covid-19 does not mean it should not spend on the economy as well. It expected an output loss of which would heighten the risks of economic recession. It is almost certain that the global economy is heading towards a recession.</p>	
4	Berita Harian	<p>Pembekalan makanan, edagang akan terus beroperasi sepanjang PKP</p> <p>Aktiviti pembekalan makanan dan e-dagang merangkumi pengeluaran bahan makanan, peruncitan, pembungkusan, pengedaran, pendorongan, pusat pengedaran dan pengeluaran bahan mentah dibenarkan untuk terus beroperasi mengikut garis panduan yang ditetapkan</p>	<p>https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/03/668980/pembekalan-makanan-e-dagang-akan-terus-beroperasi-sepanjang-pkp</p>

		sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Perkhidmatan logistik dan pengangkutan yang menyokong rantai bekalan dan pemasaran serta e-dagang bagi pembekalan bahan makanan serta keperluan juga akan terus dibenarkan beroperasi.	
5	Berita Harian	<p>COVID-19: RM100 bilion bantuan penangguhan babit institusi kewangan</p> <p>Tan Sri Muhyiddin Yassin mengumumkan pengenalan tiga langkah penangguhan membabitkan institusi kewangan dengan nilai sekurang-kurang RM100 bilion, bagi membantu rakyat berdepan kekangan ekonomi susulan penularan wabak COVID-19. Perdana Menteri dalam satu kenyataan, pagi ini, berkata tiga langkah berkenaan ialah penangguhan bayaran balik pinjaman, penyusunan baki kad kredit dan penstrukturan semula pinjaman perniagaan. Justeru mulai 1 April depan, Muhyiddin berkata, bank tempatan akan menawarkan moratorium atau penangguhan bayaran balik hingga enam bulan kepada peminjam individu dan PKS pada masa amat mencabar kini. Beliau berkata, langkah kedua membabitkan pemegang kad kredit yang berdepan kekangan kewangan, di mana mereka boleh memilih untuk menukar baki kad kredit kepada pinjaman berjangka dengan</p>	<p>https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/03/668954/covid-19-rm100-bilion-bantuan-penangguhan-babit-institusi-kewangan</p>

		<p>fleksibiliti penangguhan pembayaran balik itu boleh dimanfaatkan dari 1 April hingga 31 Disember 2020.</p>	
--	--	---	--

Penemuan penting & isu:

1. Kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) menjadi alternatif untuk meneruskan rutin harian sewaktu Perintah Kawalan Pergerakan dan bekalan juga boleh dijamin melalui platform e-dagang.
2. Artikel adalah berkaitan inisiatif kewangan dalam membantu meningkatkan *disposable income* isi rumah.

Maklumbalas Bahagian:

1. Penggunaan medium teknologi maklumat dan Komunikasi sewaktu Perintah Kawalan Pergerakan untuk melaksanakan kerja dari rumah dan pembelian keperluan secara e-dagang akan meningkatkan sumbangan sektor teknologi maklumat dan Komunikasi kepada ekonomi.
2. Bantuan penangguhan babit institusi kewangan dilihat mengurangkan beban kewangan rakyat keseluruhan dan memberi kesan kepada perbelanjaan isi rumah khususnya bagi kumpulan perbelanjaan utama iaitu makanan & minuman dan perubatan.

B. Bahagian Perangkaan Perkhidmatan (DOSM)

Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
-----	--------	-----------	--------

A. Perdagangan Borong dan Runcit

1.	<p>Borneo Post Online</p>	<p>Covid: 10 adversity for Mynews as some outlets close</p> <p>Times are tough for convenience retail chain MyNews Holdings Bhd (NyNews) as the group had to close around 10 per cent of their stores due to the Movement Control Order (MCO).</p> <p>The staff of affected stores were mobilised to other stores that are open. Mynews expects up to 20 per cent outlets to be closed if the MCO is extended.</p> <p>According to AmInvestment Bank Bhd (AmInvestment Bank), the group's net margin will likely be</p>	<p>https://www.theborneopost.com/2020/03/25/covid-10-adversity-for-mynews-as-some-outlets-close/</p>
----	----------------------------------	--	--

		<p>impacted as operating costs remain high despite fewer operating stores and shorter operating hours (earlier closing time during the MCO).</p> <p>The group also plans to add 100 new stores in FY20F but cautions that these could be scaled down if the MCO is extended.</p>	
2.	Borneo Online Post	<p>Lockdown to have severe impact on consumer discretionary items</p> <p>The government imposition of a 14-day MCO is projected to have a severe impact on consumer discretionary items, with companies such as Aeon Co (M) Bhd (Aeon) to be affected.</p> <p>For Aeon, Hong Leong Investment Bank Bhd (HLIB Research) said, the group should see a short term bump in sales in their retail division from panic buying, the group is expected to be net losers from the Covid-19 outbreak due to non-essential retailers shutting down operations in their shopping malls.</p>	<p>https://www.theborneopost.com/2020/03/25/lockdown-to-have-severe-impact-on-consumer-discretionary-items/</p>
3.	Sinar Harian	<p>Jualan dalam talian naik berganda</p> <p>Platform beli-belah dalam talian Shopee mendapati peningkatan beli-belah berlaku di seluruh negara termasuk di Sabah dan Sarawak dan juga kawasan pedalaman sejak PKP dikuatkuasakan.</p>	<p>https://www.sinarharian.com.my/article/75443/KHAS/Koronavirus/Jualan-dalam-talian-naik-berganda</p>

		<p>Antara item paling laris dalam talian ketika ini ialah produk kebersihan seperti disinfektan, sanitizer dan topeng muka.</p> <p>Permintaan tinggi juga dapat disaksikan dalam perkhidmatan penghantaran makanan seperti yang ditawarkan platform seperti Grab dan Food Panda. Grab mengembangkan perkhidmatan Mart ke lebih banyak bandar di seluruh negara seperti selain memperkenalkan 'Pasar', yang merupakan kesinambungan GrabMart di mana barangan segar seperti daging, ayam dan makanan laut dihantar kepada isi rumah.</p> <p>Bagi Foodpanda pula, ia terus setia memenuhi permintaan pelanggan meskipun dalam tempoh PKP.</p>	
4.	The Star	<p>MCO: Food, e-commerce, transport sectors to continue operating</p> <p>Food supply, e-commerce activities and logistics and transport services are allowed to operate during the movement control order (MCO).</p> <p>Among those listed are food manufacturers, retail, packaging, distribution, wholesale and distribution centres.</p>	<p>https://www.thestar.com.my/news/nation/2020/03/25/mco-food-e-commerce-transport-sectors-to-continue-operating#.XnrPqDkjsXM.whatsapp</p>

5.	New Straits Times	<p>Retailers seek govt intervention</p> <p>Malaysia's retail business may have dropped by more than 50 per cent last month due to the Covid-19 pandemic.</p> <p>Sunway Group offered a RM20 million rent free to non-essential trade retailers at its malls in light of the 14 days Movement Control Order (MCO).</p> <p>The rental exemption is for tenants at Sunway Pyramid, Sunway Velocity, Sunway Carnival, Sunway Putra Sunway Big Box Retail Park, Sunway Giza and Sunway Citrine.</p> <p>Malaysia Retail Association (MRA) said retail businesses had been adversely affected by the pandemic.</p>	<p>https://www.nst.com.my/business/2020/03/578009/retailers-look-for-govt-intervention</p>
B. Subsektor Pengangkutan dan Penyimpanan			
6.	Harian Metro	<p>Waktu operasi pengangkutan awam dihadkan</p> <p>MOD pengangkutan awam di seluruh negara hanya akan dibenarkan beroperasi dari 6 pagi ke 10 pagi dan 5 petang ke 10 malam sahaja setiap hari, berkuat kuasa hari ini sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).</p> <p>Ini termasuk bas henti-henti, bas percuma seperti GoKL dan Smart Selangor, semua bas perantara, perkhidmatan rel Aliran Transit Ringan (LRT),</p>	<p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/03/558284/waktu-operasi-pengangkutan-awam-dihadkan-metrotv</p>

		monorel dan Transit Aliran Massa (MRT), Express Rail Link (ERL) dan Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB).	
7.	Berita Harian Online	<p>COVID-19: Pelabuhan, Lapangan terbang sesak barangan tersekat ekoran PKP</p> <p>MNSC menyatakan tiada pergerakan bagi kargo barangan bukan utama dari pelabuhan ke gudang ketika PKP menyebabkan kesesakan teruk di pelabuhan dan lapangan terbang.</p> <p>Pihak berkuasa Pelabuhan Klang dalam notisnya bertarikh 17 Mac mengumumkan bahawa tidak akan ada pengecualian atas caj berkaitan kontena iaitu penyimpanan, penyingkiran dan caj 'demurrage' kerana kelewatan pengumpulan kargo.</p>	https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2020/03/669092/covid-19-pelabuhan-lapangan-terbang-sesak-barangan-tersekat-ekoran
C. Subsektor Kewangan			
8.	The Edge Markets	<p>Pavilion REIT gives 14-day free rental to non-essential services tenants during MCO</p> <p>Pavilion Real Estate Investment Trust (Pavilion REIT) has given rent-free period to tenants of Pavilion REIT Malls operating non-essential services during the March 18-31 Movement Control Order (MCO).</p> <p>Pavilion REIT manages four malls namely Pavilion Kuala Lumpur, Pavilion Elite, Da Men Mall and Intermark Mall, which remains in operation during the</p>	https://www.theedgemarkets.com/article/pavilion-reit-gives-14day-free-rental-nonessential-services-tenants-during-mco

		<p>MCO to provide essential services and supplies.</p> <p>The malls have undertaken proactive and stringent measures and incurred additional expenses in ensuring the health and safety of its community.</p>	
9.	The Edge Markets	<p>Six-month automatic moratorium on loans by individuals and SMEs</p> <p>To ease SMEs and individuals' cash flows in the current difficult period, banks shall grant an automatic moratorium on all loans, financing repayments or payments, the principal and interest — except for credit card balances — to individuals and SME borrowers or customers for six months starting April 1.</p> <p>This includes offering suitable workout plans to repay or pay the principal and interest accrued during the moratorium period factoring in borrowers or customers' repayment or payment capacities, ultimately allowing borrowers or customers to fully settle loans or financing.</p> <p>As for outstanding credit card balances, BNM noted banking institutions shall offer customers the option to convert their credit card balances into a term loan or financing of a tenure not more than three years and an effective interest</p>	<p>https://www.theedgemarkets.com/article/sixmonth-automatic-moratorium-loans-individuals-and-smes</p>

		<p>or profit rate not more than 13% per annum.</p> <p>Meanwhile, BNM highlighted to banks that the net stable funding ratio (NSFR) requirement implementation shall continue to be effective on July 1, 2020. However, the minimum NSFR requirement will be lowered to 80%.</p> <p>Bank Negara offering to provide liquidity, lowering the NSFR to 80% from 100% and the flexibility to operate below an LCR (liquidity coverage ratio) of 100% are measures to ease liquidity requirements and avoid excessive deposit competition,</p>	
D. Subsektor Kesihatan Swasta			
10.	Freemalaysiatoday	<p>Private hospitals offer govt use of 51 ventilators</p> <p>The Association of Private Hospitals of Malaysia (APHM) has offered the use of 51 ventilators to the health ministry to help combat Covid-19. It also said it will be accepting non-Covid-19 cases from government hospitals.</p> <p>Some private hospitals have started Covid-19 screening as walk-ins and drive-ins.</p>	<p>https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2020/03/25/private-hospitals-offer-govt-use-of-51-ventilators/</p>
E. Subsektor Makanan & Minuman			
11.	Sinar Harian	<p>Jualan Dalam Talian Naik Berganda</p>	<p>https://www.sinarharian.com.my/article/75443/KHAS/Koronavirus/Jualan-dalam-talian-naik-berganda</p>

		<p>Aktiviti beli-belah atas talian semakin rancak sejak permulaan MCO.</p> <p>Pengarah Urusan FoodPanda menyatakan bahawa bahawa syarikat mengalami pertumbuhan yang baik tahun demi tahun. FoodPanda menyatakan mereka mempunyai penghantar makanan yang mencukupi namun bagi memenuhi keperluan semasa, syarikat mengalu-alukan sesiapa memerlukan pekerjaan sementara.</p>	
--	--	---	--

Penemuan penting & isu:

1. Sepanjang tempoh kawalan pergerakan (PKP) terdapat 10 peratus outlet MyNewss terpaksa ditutup dan menyebabkan kos operasi yang tinggi.
2. Kesan dari PKP kepada pengguna sehingga menyebabkan situasi “Panic Buying” boleh mengakibatkan kerugian kepada perniagaan terutamanya melibatkan perniagaan bukan essential yang terpaksa menutup operasi perniagaan di dalam pusat perniagaan.
3. Jualan atas talian menggunakan platform e-dagang meningkat termasuk di Sabah dan Sarawak sepanjang tempoh PKP.
4. Kesan dari penularan wabak Covid-19, perniagaan yang dikategorikan sebagai non-essential yang menyewa di bawah Sunway Group akan diberikan potongan sewa kedai sepanjang tempoh PKP.
5. Waktu operasi pengangkutan awam yang dihadkan memberi kesan kepada pengurangan jumlah penumpang termasuk pengangkutan bas termasuk bas henti-henti, bas percuma seperti GoKL dan Smart Selangor, semua bas perantara dengan penurunan sebanyak 91.63 peratus. Komuter mencatatkan penurunan sebanyak 89.25 peratus, Rapid Rail termasuk LRT, MRT dan monorel (95.09%) dan ERL (87.08%) peratus bagi tempoh yang sama.
6. Bank Negara Malaysia (BNM) telah pun melaksanakan langkah tambahan bagi membantu peminjam dan juga pelanggan yang terkesan dengan Bencana Covid-19. Bagi membolehkan aliran tunai syarikat khususnya syarikat di bawah perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dalam keadaan “*sustain*”, institusi perbankan akan memberikan secara automatic moratorium pada semua pinjaman dan pembiayaan dan membenarkan pelanggan perbankan, termasuk individu dan PKS menangguhkan pembayaran balik pinjaman sedia ada mereka, termasuk gadai janji dan sewa beli, untuk tempoh enam bulan berkuatkuasa pada 1 April 2020. Bagi baki kad kredit yang belum dijelaskan, institusi perbankan perlu menawarkan pilihan kepada

pelanggan untuk menukar baki tertunggak kepada pinjaman jangka masa tidak melebihi tiga tahun.

7. Selain pembelian atas talian, permintaan tinggi juga dapat disaksikan dalam perkhidmatan penghantaran makanan seperti yang ditawarkan platform seperti Grab dan FoodPanda yang turut mengendalikan penghantaran makanan.

Maklumbalas Bahagian:

1. Mod pengangkutan awam merupakan mod pengangkutan yang menjadi kebergantungan masyarakat khususnya golongan B40. Penurunan jumlah penumpang yang menggunakan mod pengangkutan awam akan mempengaruhi prestasi perkhidmatan pengangkutan & penyimpanan pada Q1 2020.
2. Pertubuhan yang terlibat dalam perkhidmatan pengangkutan dan logistik yang tidak mendapat kelulusan daripada MITI untuk kebenaran beroperasi sepanjang tempoh PKP akan memberi kesan kepada pengeluaran import dan eksport.
3. Berdasarkan langkah-langkah yang diambil oleh BNM dalam membantu rakyat Malaysia menangani kekangan pembayaran balik semula pinjaman, hasil dan kutipan bayaran balik pinjaman institusi perbankan dijangka akan mengalami penurunan bagi tahun 2020 (berdasarkan tempoh 6 bulan bermula dari 1 April 2020). Ini akan memberi kesan terhadap perkhidmatan kewangan khususnya industri perbankan yang akan diliputi semasa Banci Ekonomi 2021.
4. Peningkatan jualan atas talian serta permintaan yang tinggi dalam perkhidmatan penghantaran makanan akan memberi jangkakan pertumbuhan yang positif terhadap industri ini pada prestasi Q1 2020. Bahagian juga akan mengambil kira jangkakan pertumbuhan positif bagi perkhidmatan penyusunan statistik Q1 2020.

C. Bahagian Perangkaan Perdagangan Antarabangsa (DOSM)

Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	BERNAMA	<p>COVID-19: Oil palm industry remains stable, backed by demand.</p> <p>The COVID-19 pandemic will not have a large impact on the nation's oil palm industry as it continues to be supported by local and international demand, commercialization of</p>	<p>https://www.bernama.com/en/business/news.php?id=1824787</p>

		<p>downstream products, exploration of new markets as well as government initiatives.</p> <p>Palm Oil Analytics owner and co-founder Dr Sathia Varqa said the panic buying of essentials like edible oils as well as oleo-chemical products such as personal and home care hygiene products will result in a sharp increase in March's domestic consumption.</p> <p>However, given the general slowdown in movements and activities, logistic services such as the transportation of CPO from mills to refineries and to ports or packaging locations will also be affected, leading to slower movement and lower export volume in the month.</p> <p>Malaysia has identified Morocco and Tunisia as potential markets. Egypt is also a potential market as its population is expected to increase to 100 million by 2021, and its local vegetable oil production can only support between 20 per cent and 30 per cent of local demand.</p>	
2.	The Edge Market	<p>HDC: Halal industry remains resilient despite challenging times.</p> <p>The Halal industry continues to show resilience due to its strong fundamentals amidst the current volatility of crude oil prices and the COVID-19 crisis.</p>	<p>https://www.theedgemarkets.com/article/hdc-halal-industry-remains-resilient-despite-challenging-times</p>

		It was originally forecasted that by 2020, Malaysia's annual Halal exports would reach an estimated RM50 billion.	
--	--	---	--

Penemuan penting & isu:

1. Industri kelapa sawit dijangka akan kekal stabil disebabkan oleh peningkatan dalam penggunaan domestik pada bulan Mac 2020. Namun begitu, Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akan memberikan kesan terhadap pergerakan atau logistik perdagangan global dan seterusnya akan turut memberi kesan kepada eksport negara.
2. Industri halal masih kekal bertahan walaupun berdepan dengan krisis ketidakpastian harga minyak mentah semasa dan penularan wabak Covid-19. Terdahulu, pasaran eksport industri halal tempatan diunjur berkembang kepada RM50 bilion menjelang tahun 2020.

Maklumbalas Bahagian:

1. Pada awal Januari 2020, harga minyak sawit mentah ialah RM 3,134 bagi setiap tan. Namun, pada 23 Mac 2020, ia jatuh kepada RM 2,330 bagi setiap tan di mana merupakan yang terendah sejak krisis kewangan global tahun 2008. Kejatuhan harga minyak sawit mentah ini akan memberi kesan kepada eksport dan import barangan di bawah SITC 4 iaitu minyak dan lemak binatang dan sayur-sayuran.
2. BPPA akan memantau dan mengkaji trend import dan eksport bagi industri kelapa sawit dan industri halal ketika penularan wabak Covid-19.

D. Bahagian Perangkaan Pengeluaran Industri dan Binaan (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	The Star	<p>US lifts ban on Malaysian glove maker amid shortage</p> <p>Amerika Syarikat melalui US Customs and Border Protection (CBP) telah menarik balik larangan terhadap pembuat sarung tangan perubatan</p>	<p>https://www.thestar.com.my/news/regional/2020/03/25/us-lifts-ban-on-malaysian-glove-maker-amid-shortage</p>

		Malaysia (WRP Asia Pacific Sdn Bhd) untuk membenarkan produk dari syarikat tersebut memasuki semua pelabuhan di US bermula 16 Mac 2020.	
2.	The Star	<p>Oil ekes out gains as US stimulus hopes lift global markets</p> <p>Oil prices extended gains for a third session on Wednesday, rising alongside broader financial markets on hopes Washington will soon approve massive aid package to stem the economic impact of the coronavirus pandemic</p>	https://www.thestar.com.my/business/business-news/2020/03/25/oil-ekes-out-gains-as-us-stimulus-hopes-lift-global-markets
3.	The Star	<p>Opec's oil supply war: Who has the most firepower?</p> <p>With the shackles of the Organization of the Petroleum Exporting Countries' (Opec) output limits thrown off and a price war under way, the group's biggest oil producers are preparing to churn out more barrels to protect market share.</p>	https://www.thestar.com.my/business/business-news/2020/03/25/opecs-oil-supply-war-who-has-the-most-firepower
4.	BERNAMA	<p>WRP Asia Pacific sumbang 500,000 sarung tangan perubatan kepada MOH</p> <p>Pengeluar dan pengeksport produk sarung tangan berkualiti premium, WRP Asia Pacific Sdn Bhd (WRP), menyumbang sebanyak 500,000 sarung tangan pemeriksaan gred perubatan DERMAGRIP Nitrile Ultra L S kepada Kementerian Kesihatan (MOH).</p>	https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news.php?id=1824700

5.	Berita Harian	<p>Minyak mentah naik sedikit, Brent diniagakan AS\$28 setong</p> <p>Harga minyak meningkat sedikit pada sesi dagangan Asia hari ini, disokong isyarat bahawa Kongres Amerika Syarikat (AS) semakin hamper memuktamadkan pakej rangsangan ekonominya yang terjejas akibat COVID-19, selain kenaikan komoditi itu menjejaki keuntungan di Wall Street.</p>	<p>https://www.bharian.com.my/bisnes/pasaran/2020/03/669020/minyak-mentah-naik-sedikit-brent-diniagakan-as28-setong</p>
6.	Sinar Harian	<p>50,000 kontraktor bumiputera bimbang hilang kerja</p> <p>Persatuan Kontraktor Bumiputera Malaysia meluahkan kebimbangan terhadap nasib 50,000 kontraktor bumiputera yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) ketika Perintah Kawalan Pergerakan yang diadakan sekarang.</p> <p>Kerajaan diharap melaksanakan beberapa inisiatif bagi membantu golongan itu terutama dalam pakej rangsangan ekonomi. Persatuan juga telah mengemukakan lima cadangan yang boleh diambil perhatian kerajaan untuk membantu golongan ini.</p>	<p>https://www.sinarharian.com.my/article/75521/KHAS/Koronavirus/50000-kontraktor-bumiputera-bimbang-hilang-kerja</p>

7.	Malay Mail	<p>Heineken Malaysia temporarily shuts down brewery due to Covid-19 movement control order</p> <p>Heineken Malaysia Berhad has announced that it has suspended the operations of its brewery in Petaling Jaya, Selangor, in line with the government's two-week movement control order to slow the spread of the Covid-19 outbreak.</p>	<p>https://www.malaymail.com/news/malaysia/2020/03/25/heineken-malaysia-temporarily-shuts-down-brewery-due-to-covid-19-movement-c/1849870</p>
8.	EdgeProp	<p>Movement control? The show must go on-line, say developers</p> <p>Visiting virtual property showrooms, live chatting with the sales person or even buying a property online are not something new in the digital era.</p>	<p>https://www.edgeprop.my/content/1665749/movement-control-show-must-go-line-say-developers</p>
9.	The Star Online	<p>MIER projects job losses could be 2.4 million</p> <p>Malaysian Institute of Economic Research (MIER) said that the economic impact of Covid-19 and the movement control order (MCO) is expected to shrink Malaysia's real gross domestic product (GDP) growth to -2.9% for 2020, relative to 2019. MIER projected that the number of job losses could be an estimated 2.4 million, of which 67% are unskilled workers.</p>	<p>https://www.thestar.com.my/business/business-news/2020/03/25/covid-19-to-shrink-growth</p>
10.	The Borneo Post (Sarawak)	<p>SEB strives to keep lights on Sarawakians</p> <p>Sarawak Energy Bhd (SEB) is taking all the necessary</p>	<p>https://www.theborneopost.com/2020/03/25/seb-strives-to-keep-lights-on-for-sarawakians/</p>

		measures to ensure that its power system continues to keep the lights on for Sarawakians during the Movement Control Order (MCO) period.	
11.	Malay Mail	<p>Medical equipment, PPEs exempted from import duty, sales tax</p> <p>Kementerian Kewangan (MOF) telah mengecualikan duti import dan cukai jualan untuk pembelian peralatan perubatan, makmal, peralatan pelindung peribadi (PPE) dan bahan guna habis bagi mana-mana pihak untuk disumbangkan kepada Kementerian Kesihatan (KKM) yang bertujuan membantu menangani pandemik koronavirus (Covid-19).</p>	<p>https://www.malaymail.com/amp/news/malaysia/2020/03/24/medical-equipment-ppes-exempted-from-import-duty-sales-tax/1849818#.XnoQesHc%E2%80%A6</p>

Penemuan penting & isu:

1. Amerika Syarikat melalui US Customs and Border Protection (CBP) telah menarik balik larangan terhadap pembuat sarung tangan perubatan Malaysia (WRP Asia Pasific Sdn Bhd) untuk membenarkan produk dari syarikat tersebut memasuki semua pelabuhan di US bermula 16 Mac 2020.
2. Persatuan Kontraktor Bumiputera mengemukakan lima cadangan kepada Kerajaan supaya dapat dimasukkan dalam Pakej Rangsangan Ekonomi bagi membantu golongan tersebut.
3. Dalam penemuan analisis kesan ekonomi terhadap wabak Covid-19, MIER mengunjurkan jumlah kehilangan pekerjaan boleh dianggarkan sehingga 2.4 juta, di mana 67% adalah pekerja tidak mahir.
4. Bekalan tenaga elektrik terus beroperasi bagi memastikan tiada gangguan tenaga elektrik meskipun dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan.
5. Kementerian Kewangan (MOF) telah mengecualikan duti import dan cukai jualan untuk pembelian peralatan perubatan, makmal, peralatan pelindung peribadi (PPE) dan bahan guna habis bagi mana-mana pihak untuk disumbangkan kepada Kementerian Kesihatan (KKM) yang bertujuan membantu menangani pandemik koronavirus (Covid-19).

Maklumbalas Bahagian:

1. Bahagian mengambil inisiatif untuk menyenaraikan pertubuhan dalam sektor pembuatan yang terkesan dalam tempoh PKP serta memantau

pengeluaran produk perindustrian, nilai jualan serta impak kepada bilangan pekerja.

2. Pemantauan prestasi bagi produk terpilih seperti sarung tangan getah dan barangan perubatan serta aktiviti import dan eksport kesan pengecualian duti import, cukai jualan dan penarikan balik larangan ke atas produk tempatan memasuki negara luar.
3. Membuat semakan cadangan inisiatif daripada Persatuan Kontraktor Bumiputera dalam membantu golongan tersebut terutama dalam pakej rangsangan ekonomi yang akan diumumkan dalam masa terdekat.
4. Bahagian akan mengambil kira perkara ini di dalam penyusunan statistik prestasi dalam penerbitan statistik bulanan dan suku tahunan.

E. Bahagian Perangkaan Imbangan Pembayaran (DOSM)

Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	News Straits Times	<p>Malaysian airlines on brink of bankruptcy without financial aid</p> <p>Malaysia’s airlines needed the financial assistance from government as the local airlines were suffering losses due to flight cancellations and travel restrictions from the Covid-19 crisis. Some analysts said the local airlines could be on the brink of bankruptcy without financial aid.</p>	<p>https://www.nst.com.my/business/2020/03/577989/malaysian-airlines-brink-bankruptcy-without-financial-aid</p>
